

# UNDP iktiraf Malaysia lindungi ozon

Oleh HELMI MOHD FOAD

**PUTRAJAYA** 8 Mei - Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) memberi pengiktirafan kepada Malaysia kerana berjaya menerajui negara-negara membangun dalam usaha menghapuskan penggunaan bahan yang menghakis lapisan ozon.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, usaha yang dijalankan sejajar dengan Protokol Montreal yang ditandatangani oleh Malaysia sejak 20 tahun lalu itu menyaksikan negara berjaya mengurangkan penggunaan gas kloro-fluorokarbon (CFC) daripada 3,442 tan pada 1995 kepada 662 tan pada tahun lalu.

Beliau berkata, kerajaan yakin dapat mencapai sasaran untuk menghapuskan penggunaan CFC menjelang 2010 sebagaimana yang digariskan oleh protokol berkenaan.

"Kita seharusnya berbangga kerana di kalangan negara-negara membangun, kita telah menerajui usaha menghapuskan secara berperingkat penggunaan bahan yang boleh menghakis lapisan ozon.

"Kita berjaya melakukannya dengan mewujudkan polisi, peraturan dan melaksanakan kerjasama dengan pelbagai agensi seper-

ti kastam, bomba dan yang pentingnya industri," kata Azmi pada majlis pelancaran laporan *Melindungi Lapisan Ozon: Pelaksanaan Malaysia dalam Mematuhi Protokol Montreal* di sini hari ini.

Laporan setebal 35 muka surat itu diterbitkan oleh UNDP dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Tabung Multilateral bagi Pelaksanaan Protokol Montreal.

Hadir sama pada majlis itu ialah Wakil Residen UNDP bagi Malaysia, Dr. Richard Leete.

CFC adalah bahan kimia yang digunakan secara meluas dalam sistem pendingin hawa, peti sejuk, bahan pelarut dan produk berbuah.

Ia boleh menyebabkan hakisan ke atas lapisan ozon yang berfungsi sebagai pelindung kepada bumi daripada menerima pancaran ultra ungu matahari.

Menyentuh mengenai kesedaran masyarakat dalam menjaga alam sekitar, Azmi menyelar perancang bandar dan pihak berkuasa tempatan kerana tidak menanam pokok rendang bagi menyejukkan persekitaran.

Katanya, langkah menanam pokok rendang boleh menggalakkan orang ramai berjalan kaki dan menaiki basikal sebagai alternatif kepada penggunaan kereta.

"Lihat Putrajaya, di sini sangat panas.

Kenapa mereka tidak boleh menanam pokok rendang. Lihat di Singapura mereka boleh menanam pokok rendang di sepanjang jalan.

"Saya telah tanya pihak perancang bandar dan mereka yang menyediakan landskap di sini, kenapa tidak boleh tanam pokok rendang? Mereka jawab, takut nanti dahan pokok akan menghempap kenderaan," katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita, Azmi berkata, JAS akan menggerakkan lebih 600 pegawai dari kawasan yang tidak banyak berlaku pencemaran ke kawasan yang mengalami pencemaran teruk.

Katanya, kementerian telah mengenal pasti negeri-negeri yang dikategorikan sebagai kawasan hitam iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau

UM - 9/5/2007  
**Kerajaan yakin dapat mencapai sasaran untuk menghapuskan penggunaan gas kloro-fluorokarbon menjelang 2010 sebagaimana yang digariskan oleh Protokol Montreal**

**AZMI KHALID**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



**AZMI KHALID**

Pinang dan beberapa kawasan di Sabah.

"Pegawai-pegawai tersebut perlu melakukan tindakan seperti mengeluarkan kompaun atau mengheret mereka yang mencemarkan alam sekitar ke mahkamah dalam tempoh 24 jam. Sekiranya gagal, Ahli Parlimen kawasan terbabit boleh menghantar laporan secara terus kepada saya," katanya.

Dalam pada itu, Azmi menyatakan, kementeriannya menyediakan peruntukan sebanyak RM10,000 kepada setiap kawasan Parlimen bagi menjalankan kegiatan termasuk program pendidikan bagi menjayakan kempen menggalakkan masyarakat memelihara alam sekitar.

"Tetapi kita akan memantau bagi memastikan peruntukan tersebut bukannya untuk membeli topi, baju T atau *track suit* tetapi memberi pendidikan kepada orang awam.

Fasa pertama ialah dengan memberikan fokus kepada pengurusan sisa pepejal seperti mendidik orang ramai supaya tidak membuang sampah ke dalam sungai," katanya.